

## ‘Air naik hampir paras tiang lampu’



Sebahagian rumah yang musnah menjadi perhatian Najib (tiga dari kanan) dan Mustapa (empat dari kanan) di Gua Musang.

KOTA BHARU – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan bencana banjir buruk yang melanda Kelantan merupakan malapetaka besar yang membawa banyak kemusnahan.

Najib berkata, penduduk di jajahan Gua Musang dan Kuala Krai memberitahunya, air banjir naik begitu tinggi dan mendadak sehingga banyak rumah yang tenggelam.

“Saya juga melihat keadaan di jambatan yang menghubungkan Manek Urai Lama dengan Manek Urai Baru. Air di kawasan itu naik hampir ke paras tiang lampu.

“Keadaan ini menggambarkan betapa dahsyat malapetaka menimpa negeri ini khususnya kawasan Kuala Krai. Justeru, kita perlu melihat ini sebagai satu bencana atau malapetaka yang sangat berat dan bukannya banjir biasa,” katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini selepas meninjau keadaan di jajahan tersebut semalam.

***Ikuti berita selanjutnya di KOSMO! hari ini.***

Artikel

Penuh: [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=1231&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne\\_01.htm#ixzz3NQL7enJF](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=1231&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_01.htm#ixzz3NQL7enJF)

Hakcipta terpelihara